

GAYA PENTAFSIRAN JAMAL AL-DIN AL-QASIMI DALAM TAFSIR MAHASIN AL-TA'WIL

NIK MOHD ZAIM AB RAHIM

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi
Malaysia, Kuala Lumpur

Email: nmzaim.kl@utm.my

MONIKA @ MUNIRAH ABD RAZZAK

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
munirahar@um.edu.my

HAMIZAH RUSLAN

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

ABSTRAK

Jamal al-Din al-Qasimi (1866-1914) antara nama yang cukup dikenali dalam kalangan pendokong gerakan Islam era moden. Dalam dunia penulisan, beliau banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang seperti bidang tauhid, tafsir, hadis, fikah, sejarah dan falsafah. Antara karya dalam bidang tafsir ialah kitab Mahasin al-Ta'wil. Artikel ini bertujuan membincangkan pemikiran tafsir beliau dengan menetengahkan cara dan gaya pentafsiran yang dikemukakan ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Justeru, kajian ini berbentuk kajian kepustakaan dengan menjadikan metode analisis kandungan sebagai metode pengumpulan data, manakala metode induktif, deduktif dan komparatif sebagai metode analisis data. Jelasnya, hasil analisis terdapat gaya pentafsiran ayat-ayat kawaniyyah oleh al-Qasimi mendapati beliau mempunyai cara dan gaya persembahan yang tersendiri dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang dapat diringkaskan kepada empat gaya iaitu mengemukakan ayat al-Quran lain yang berkaitan ayat yang sedang ditafsirkan, menyebut pendapat ahli perubatan apabila menyentuh mengenai ayat perubatan, menyebut pendapat ahli falak ketika mentafsirkan ayat berkaitan astronomi, dan mengkhaskan bahagian tanbihat selepas menjelaskan secara tahlili bagi setiap ayat yang ditafsirkan.

Kata kunci: gaya pentafsiran, tafsir 'ilmi, ayat al-Quran, pandangan pakar bidang

Pengenalan

Jamal al-Din al-Qasimi merupakan antara tokoh pentafsir al-Quran al-Karim era moden. Tafsir beliau, *Mahasin al-Ta'wil* antara salah satu corak tafsir yang muncul dan berkembang melalui metode tafsir ijmal. Kitab tafsir ini juga dinilai sebagai antara karya tafsir yang memadukan antara aliran *tafsir bi al-ma'thur* dengan *tafsir bi al-ra'y*. Untuk itu, artikel ini bertujuan memaparkan sebahagian daripada gaya dan corak pentafsiran beliau dalam menjelaskan ayat-ayat *kawaniyyah* dalam al-Quran al-Karim.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan dengan menjadikan ayat-ayat al-Quran yang berbentuk *kawaniyyah* dalam kitab tafsir *Mahasin al-Ta'wil* sebagai objek kajian. Manakala metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif pula digunakan untuk menganalisis data iaitu ayat-ayat al-Quran yang berbentuk *kawaniyyah* yang terpilih.

Birografi Ringkas Jamal al-Din al-Qasimi

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī atau Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī bin Muḥammad Saʿīd bin Qāsim berketurunan daripada keturunan al-Ḥasan bin Alī, cucu Rasulullah SAW melalui ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī al-Baghdādī (al-‘Ajmi, 1999). Nama panjang beliau disebut dalam *Qāmūs al-Ṣināʾat al-Shāmiyah* sebagai Muḥammad Jamāl al-Dīn Abu al-Farj bin Muḥammad Saʿīd bin Qāsim ibn Ṣāliḥ bin Ismāʿīl bin Abi Bakr. Gelaran al-Qāsimī dinasabkan kepada datuknya, Qāsim ibn Ṣāliḥ (al-‘Azmi, 1988). Datuk beliau, Qāsim ibn Ṣāliḥ turut digelar sebagai al-Ḥallāq. Beliau merupakan seorang imam di bumi Syam pada zamannya dan merupakan seorang yang mempunyai ilmu mendalam tentang agama serta menguasai seni bahasa. Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dilahirkan pada hari Isnin 8 Jamādil Awwal 1283H bersamaan 17 September 1866M di Damsyiq, Syria dan wafat pada petang Sabtu 23 Jamādil Awwal 1332H bersamaan 1914M, juga di Damsyik, Syria (al-Zirikli, 2002).

Al-Qāsimī mendapat pendidikan awal di kampung dan bandar sekitar bumi kelahirannya, Syria. Beliau juga merantau ke luar negara seperti Mesir dan Madinah untuk menimba ilmu pengetahuan (al-Zirikli, 2002). Peristiwa yang tidak diduga berlaku ke atas al-Qāsimī apabila beliau dituduh mengadakan mazhab sendiri yang dikenali sebagai *al-Madhab al-Jamālī* disebabkan pengaruhnya yang luar biasa dalam kalangan masyarakat pada ketika itu (Nuwayhid, 1988). Beliau ditangkap oleh kerajaan Syria pada tahun 1313H /1895M atas tuduhan menyertai kegiatan bersama dengan beberapa ulama lain seperti ‘Abd al-Razzāq al-Bayṭār, Aḥmad al-Ḥusnī al-Jaz’irī, Salīm Samārah, Taufiq al-Ayyūbī, Saʿīd al-Farrā, Muṣṭafā al-Ḥallāq dan lain-lain. Kumpulan ulama ini merupakan golongan yang bersungguh-sungguh menggalakkan para ilmuwan untuk berjihad dan tidak semata-mata bertaqlid. Mereka bersama-sama mewujudkan kumpulan pengajian kitab-kitab agama. Kumpulan ini dikenali sebagai *Jam’iyyah al-Mujtahidīn*. Atas dasar itulah, al-Qāsimī digelar sebagai *Ḥādithah al-Mujtahidīn*, yang bermaksud pembaharu dalam kalangan mujtahid (<http://majles.alukah.net/t30300/>, 2009). Beliau kemudiannya dibebaskan setelah terbukti tidak bersalah.

Selepas insiden penahanan tersebut, beliau semakin dikenali ramai. Beliau mula menceburi bidang penulisan dan penyebaran ilmu dalam bidang tafsir, syariah dan sastera. Penulisan al-Qāsimī telah tersebar melalui pelbagai majalah dan akhbar di Syria. Hasil karya al-Qāsimī terdiri daripada lebih 72 buah (dikatakan lebih 100 buah karya) dengan latar belakang ilmu yang pelbagai seperti tafsir, tauhid, hadith, akhlak, sejarah dan sastera (Nuwayhid, 1988). Beliau dikatakan mula menulis pada usia 16 tahun.

Al-Qāsimī melawat bumi Mesir pada tahun 1903M. Pada ketika itu, beliau mula mengenali ulama Mesir yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu termasuk bidang tafsir iaitu Muḥammad Abduh dan Muḥammad Rashīd Riḍā. Mereka juga dikenali sebagai reformis yang terlibat dalam gerakan Islah di Mesir. Pada tahun 1908M, Rashīd Riḍā melakukan kunjungan balas kepada al-Qāsimī ke Damsyik, Syria. Rashīd Riḍā menyampaikan pengajiannya di *al-Jāmi’ al-Umawī*, Damsyik. Dalam penulisan, al-Qāsimī banyak menggunakan uslub sastera. Beliau terpengaruh dengan gaya penulisan gurunya, Muḥammad Abduh yang terkenal dengan gaya penulisan prosa (*al-tarassul*) (al-‘Azmi, 1988).

Penulisan Tafsir *Mahāsīn al-Ta’wil*

Al-Qāsimī mula menulis tafsir *Mahāsīn al-Ta’wil* pada tahun 1317H sehingga penghujung usianya. Beliau membahagikan tulisan beliau kepada 12 jilid yang besar. Namun, untuk tujuan penerbitan, ia dibahagikan kepada 17 jilid oleh anaknya, Zāfir al-Qāsimī. Beliau berusaha untuk menerbitkan kitab tafsir ini agar dapat dikekalkan manfaatnya kepada orang ramai. Beliau mengambil masa setahun bagi mencetak satu jilid kitab. Beliau mendapat ransangan untuk menerbitkan kitab tafsir ini lantaran suatu hari beliau menerima sepucuk

surat daripada seorang alim dari Indonesia selepas 42 tahun kewafatan bapanya yang menanyakan perihal kitab *Maw'izah al-Mu'minīn* (al-'Ajmi, 1999).

Al-Qāsimī menulis ayat al-Quran dengan menggunakan dakwat merah, manakala syarah tafsirnya ditulis dengan menggunakan dakwat hitam. Seluruh tulisan dalam kitab ini merupakan hasil tulisan tangan Jamāl al-Dīn al-Qāsimī. Hal ini menunjukkan kemungkinan besar bahawa tidak terdapat salinan lain selain daripada tulisan asal al-Qāsimī yang diwarisi oleh anak-anaknya (al-Qasimi, 1965). Kitab tafsir ini mempunyai gaya persembahan yang tersendiri. Pengkaji menilai penulisan kitab ini berdasarkan cetakan pertama terbitan *Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyah* pada tahun 1957M, ditahqiq oleh Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī.

Kaedah Pentafsiran

Al-Qāsimī mentafsirkan al-Quran berdasarkan sumber yang berautoriti. Beliau mengemukakan hujah dan bukti yang kukuh berdasarkan nas al-Quran, hadith, pendapat ulama terdahulu dan kitab-kitab yang menjadi rujukan al-Qāsimī sepanjang pentafsiran.

Kaedah pentafsiran dapat dikategorikan kepada dua kaedah utama iaitu *ma'thūr* dan *ra'yī*. Kaedah *tafsīr al-ma'thūr* ialah kaedah apabila suatu pentafsiran dibuat bersandarkan kepada ayat al-Quran, hadith Nabi SAW dan juga pandangan sahabat (Mahmud, 2000) Sesetengah ulama memasukkan pendapat golongan tabiin juga daripada pentafsiran *al-ma'thūr*. (al-Dhahabi, 2005) Manakala kaedah pentafsiran *al-Ra'yī* adalah dengan memerhati dan memahami ayat al-Quran dengan bantuan pengetahuan dalam bidang-bidang yang lain sebagai contoh ilmu bahasa, ilmu sains dan lain-lain (Mahmud, 2000). *Al-tafsīr al-ra'yī* juga dikenali sebagai *al-tafsīr al-'aqlī*. Pentafsiran sahih yang selamat daripada unsur penyelewengan mesti melalui metode berikut (Al Ja'far, 1980):

- i. Mentafsirkan ayat al-Quran dengan hadith Nabi SAW.
- ii. Menyandarkan pentafsiran kepada kata-kata sahabat.
- iii. Menyandarkan pentafsiran kepada perbincangan bahasa Arab yang tepat.
- iv. Mentafsirkan ayat al-Quran berdasarkan makna kalimah al-Quran dan tidak keluar daripada lindungan syarak.

Berdasarkan garis panduan di atas, sebelum pentafsiran secara *al-tafsīr al-'aqlī* dilakukan, seseorang pentafsir mesti memastikan kewujudan hadith Nabi SAW atau kata-kata sahabat berkaitan perkara yang ditafsirkan. Sekiranya tiada periwayatan, maka ijtihad daripada mufassir diperlukan dalam menyempurnakan pentafsiran ayat al-Quran bagi tujuan pencapaian maksud suatu ayat atau topik di dalam al-Quran.

Gaya Persembahan al-Qāsimī Dalam Tafsīr Ilmī

Setelah dilakukan penelitian terhadap kitab *Maḥāsīn al-Ta'wīl*, didapati al-Qāsimī telah menggunakan gaya persembahan yang tersendiri dalam penulisan *tafsīr 'ilmī* dan ia dapat diringkaskan kepada empat gaya.

i. Mempersembahkan ayat al-Quran lain yang berkaitan

Sebelum al-Qāsimī membahaskan ayat dengan lebih lanjut, beliau akan menyatakan beberapa ayat al-Quran yang mempunyai tema yang sama dengan ayat yang ditafsirkan. Sebagai contoh apabila al-Qāsimī membahaskan surah al-Ḥāqqah ayat 17.

وَالْمَلِكُ عَلَىٰ أَرْجَائِهَا وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ تَمَائِيَةً

Surah al-Ḥāqqah, 69: 17

Terjemahan: Sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya, dan arasy Tuhanmu pada saat itu dipikul oleh lapan malaikat di atas malaikat-malaikat yang mengawal itu.

Al-Qāsimī kemudiannya membawakan surah al-A‘rāf ayat 54 ... اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ... yang bermaksud "...lalu Dia (Allah) bersemayam di atas arasy...". Selepas didatangkan ayat yang kedua ini, al-Qāsimī memasukkan perbincangan berkenaan ayat. Beliau mengemukakan pandangan ahli falak bahawa bumi mempunyai tujuh lapisan langit dan apabila ditambah dengan bumi maka ia menjadikan jumlah lapan seperti dalam ayat surah al-Hāqqah (تَمَانِيَةً). Langit dan bumi ini dihubungkan oleh tarikan graviti masing-masing (al-Qasimi, 1957).

ii. Menyebut kata-kata ahli perubatan berkaitan ayat perubatan

Al-Qāsimī menukilkan pendapat ahli perubatan (الأطباء) dalam melakukan pentafsiran berkenaan ayat-ayat sains berkenaan kesihatan. Sebagai contoh, pentafsiran al-Qāsimī berkenaan surah al-Baqarah ayat 219.

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعَةٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Surah al-Baqarah 2: 219

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: "Dermakanlah apa-apa yang berlebihan daripada keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepadamu ayat-ayat-Nya (keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir."

Ayat ini membincangkan tentang keburukan arak dan judi yang lebih banyak mudarat berbanding manfaat yang diperoleh manusia daripada kedua-duanya. Dalam mentafsirkan ayat ini, al-Qāsimī menulis 16 keburukan arak yang meliputi keburukan dari segi kesihatan akal, jiwa dan juga merupakan satu kerugian harta. Antara yang dinyatakannya ialah (al-Qasimi, 1957):

- i. Arak tidak menghilangkan dahaga, bahkan ia semakin menghauskan peminumnya.
- ii. Arak tidak merangsang perkembangan akal dan jasmani.
- iii. Arak menyebabkan pelbagai penyakit berkaitan perut (sistem penghadaman).
- iv. Arak memudaratkan paru-paru dan boleh mengakibatkan *Typhoid fever* (demam yang disebabkan oleh jangkitan bakteria *Salmonella serotypes*) (Santos, 2001).
- v. Arak menjadi sebab kesengsaraan hidup, kemiskinan dan penyakit kepada peminum tegarnya.

Al-Qāsimī turut menyebut bahawa menjauhkan diri daripada arak boleh membawa kepada kesihatan dan kebahagiaan seseorang. Perkara ini ditekankan oleh beliau bahawa arak memberikan lebih banyak mudarat berbanding manfaat yang bersifat sementara dan palsu.

iii. Menyebut kata-kata ulama falak pada pentafsiran berkaitan ayat astronomi

Al-Qāsimī menyebut sebanyak 16 kali frasa “*berkata sebahagian ulama falak*” (قال بعض علماء) (الفلك) dan frasa “*berkata ahli falak*” (قال عالم فلكي) dalam pentafsirannya. Penggunaan kalimah (بعض) di dalam frasa menunjukkan al-Qāsimī merujuk lebih daripada seorang ahli falak dalam kajian mengenai astronomi. Antara ahli falak yang dirujuk oleh al-Qasimi ialah Sheikh ‘Abd al-Qādir al-Ṭantāwī. Walau bagaimanapun, tidak semua ayat astronomi ditafsirkan dengan mengemukakan pandangan ulama falak. Hal ini menunjukkan bahawa al-Qāsimī turut mempunyai pengetahuan dan ijtihad tersendiri dalam bidang astronomi. Sebagai contoh, pentafsiran surah al-Ṣāffāt ayat 10.

إِلَّا مَنْ خَطِفَ الْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُ شِهَابٌ ثَائِبٌ
Surah al-Ṣāffāt 37:10

Terjemahan: Kecuali sesiapa di antara syaitan itu yang curi mendengar mana-mana percakapan (malaikat), maka ia diburu dan diikuti (dengan rejaman) api yang menjulang lagi menembusi.

Ayat ini membicarakan tentang larangan mendengar perbualan langit terhadap syaitan. Walaupun ia merupakan perbincangan suatu yang bersifat *ghaybiyyah*, namun al-Qāsimī (1957) mengambil pandangan ahli falak berkenaan dua perkara yang utama iaitu:

- i. Hal ini menunjukkan wujudnya makhluk Allah yang soleh dan toleh di luar bumi. Tidak bermakna perkara yang tidak sampai kepada pengetahuan manusia adalah tidak wujud, sepertimana kewujudan mikrobat dan elektrik yang tidak kelihatan, tetapi sebenarnya ada.
- ii. Rejaman terhadap syaitan adalah daripada api, yang mana planet-planet atau objek-objek samawi dicipta daripada unsur yang sama iaitu unsur api daripada matahari.

Dalam melakukan pentafsiran ayat astronomi, al-Qāsimī bijak dalam menggunakan maklumat saintifik berkenaan falak dan mengaitkannya dengan pentafsiran ayat-ayat *al-kawniyyah*. Beliau juga banyak membandingkan penemuan saintis silam yang menyalahi fakta semasa, kemudian dibawakan hujah yang berkaitan bagi mengukuhkan pentafsiran.

iv. Mengkhaskan bahagian *tanbīhāt* (تنبيهات)

Satu gaya persembahan yang memudahkan pembaca dalam memahami ayat al-Quran melalui pentafsiran beliau ialah bahagian *tanbīhāt* (تنبيهات) yang dikelaskan oleh al-Qāsimī selepas melakukan pentafsiran secara *al-tahlīlī* bagi setiap ayat. Sebagai contoh pentafsiran bagi surah al-‘Alaq ayat 6 hingga 8.

كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَيْطَغَى . أَنْ رَأَهُ اسْتَعَى . إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الرُّجْعَى

Surah al-‘Alaq 96: 6-8

Terjemahan: Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya). Dengan sebab ia melihat dirinya sudah cukup apa yang dikehendakinya. (Ingatlah) sesungguhnya kepada Tuhanmu tempat kembali (untuk menerima balasan).

Selepas mendatangkan ketiga-tiga ayat, al-Qāsimī menjelaskan makna ayat bahawa sifat manusia itu melampaui batas dan mendustakan nikmat yang diberikan oleh Allah dengan melakukan kekufuran dan maksiat. Beliau turut menghuraikan hikmah penggunaan kalimah كَلَّا di dalam ayat yang menunjukkan kesungguhan Allah SWT menarik perhatian manusia tentang perkara yang akan disampaikan.

Setelah itu, al-Qāsimī (1957) menulis bahagian *tanbīh* bagi menerangkan maksud ayat dengan lebih jelas. Beliau mengaitkan ayat ini dengan kaedah menjana kewangan yang terpuji. Kaedah menjana kewangan dengan baik terdiri daripada tiga syarat yang utama iaitu:

- i. Mendapat harta dengan cara yang halal, seperti mengusahakan sumber alam, pampasan atau mengambil upah.
- ii. Pelaburan kewangan yang dibuat tidak menyempitkan kehidupan orang lain seperti sistem monopoli.
- iii. Tidak mengambil wang (keuntungan) melebihi kadar yang sepatutnya. Sekiranya hal ini tidak dipatuhi, maka ia akan merosakkan akhlak dan peribadi seseorang. Oleh sebab itu, hikmah pengharaman riba meliputi aspek politik, akhlak dan sosial manusia.

Maklumat penting ini diambil oleh al-Qāsimī melalui penulisan ‘Abd al-Rahmān al-Kawākibī di dalam kitabnya, *Ṭabā’i ‘al-Istibdād wa Maṣāri ‘al-‘Isti ‘bād*.

Tegasnya, gaya penulisan *tafsīr ‘ilmī* oleh al-Qāsimī mudah difahami dan dirujuk oleh pembaca dalam kalangan ahli akademik mahupun orang awam yang mempunyai penguasaan bahasa Arab yang baik. Beliau menghuraikan kehendak ayat secara ringkas dan padat bagi membolehkan pembaca memahaminya dengan baik. Huraian panjang yang dilakukan oleh al-Qāsimī kebiasaannya bersifat spiritual yang membawa pembaca kembali kepada hakikat kebijaksanaan dan sifat ketuhanan Allah SWT.

Contoh *Tafsīr ‘Ilmī* Menurut Al-Qāsimī

Al-Qāsimī mempunyai ilmu yang meluas dalam pelbagai bidang. Beliau mengaitkan ayat al-Quran dengan fenomena alam. Walaupun al-Qāsimī tidak menyatakan secara langsung kategori ilmu yang dibincangkan, berdasarkan huraian beliau menunjukkan fakta yang selari dengan penemuan saintifik oleh saintis. Oleh sebab itu, pengkaji mengambil inisiatif bagi mengelaskan huraian pentafsiran al-Qāsimī mengikut bidang yang bersesuaian dengannya.

i. Fizik

Perkataan fizik berasal daripada bahasa Yunani, *physis* yang bererti tabii, alam atau *nature*. Falsafah sains fizik dalam al-Quran ialah satu bidang ilmu sains natural yang akan membincangkan setiap kejadian yang wujud secara fizikal di alam semesta ini hasil ciptaan Allah SWT mengikut *sunnatullah* (hukum Allah SWT). Bidang ini menjelaskan fenomena tabii yang berkaitan dengan alam fizikal termasuk sains hayat, sains bumi, sains optik dan sains alam yang disebutkan dalam al-Quran (Yahaya, 2014). Sebagai contoh pentafsiran ayat 35 surah al-Nūr,

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ
كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ
لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ
شَيْءٍ عَلِيمٌ

Surah al-Nūr 24:35

Terjemahan: Allah (pemberi) cahaya kepada langit dan bumi. Perumpamaan cahaya-Nya seperti sebuah lubang yang tidak tembus yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam tabung kaca, (dan) tabung kaca itu bagaikan bintang yang berkilauan, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang diberkati, (iaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di timur dan tidak pula di barat, yang minyaknya (sahaja) hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah memberi petunjuk kepada cahaya-Nya bagi orang yang dikehendaki, dan Allah membuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Fokus perbincangan berdasarkan ayat ini ialah teori penciptaan lampu. *Fīḥā miṣbāḥ* di dalam ayat bermaksud lampu yang memancarkan cahaya yang terang. Ia berasal daripada tengah-tengah balang (*al-mishkāh*) yang diperbuat daripada kaca. *Al-Zujāj* dalam ayat bermakna kaca. Balang kaca yang terhasil daripadanya cahaya itu seakan-akan cahaya itu tidak dibantu oleh sumber yang lain, padahal ia berasal daripada sumbu api di dalam *al-mishkāh*. Semakin sempit ruang, maka semakin terang kekuatan cahaya daripada balang kaca. Berbeza dengan satu ruang yang luas, cahaya semakin malap dan berselerak. Sumbu api (*al-qindīl*) dan minyak ialah perkara asas yang membantu kekuatan cahaya. Pada zaman moden kini, *al-mishkāh* dikenali sebagai kaca mentol dan *al-qindīl* dikenali sebagai filamen. Kejernihan dan keaslian minyak yang menjadi bahan api untuk membakar sumbu itu menentukan kekuatan cahaya yang dihasilkan.

Dalam menerangkan hikmah ayat ini, al-Qāsimī (1957) memasukkan nilai-nilai moral sebagai hamba kepada Tuhan. Cahaya daripada dasar yang dimaksudkan ialah kekuatan dan keluhuran hati seseorang yang disinggahi cahaya Allah. Pemberi cahaya ialah Allah, penerima ialah hamba, tempat cahaya ialah hati, pembawa cahaya ialah keazaman dan kemahuan manakala hasil pancaran cahaya ialah amalan dan perkataannya. Manakala analogi lain ialah *al-mishkāh* itu ibarat dada manusia, dan *al-zujāj* itu ibarat hati manusia. Jika terhalang kaca oleh sebab debu dan kotoran, maka mustahil cahaya dapat menembusi hati dan memancarkan keluar cahaya daripada dalam. Begitu dalam makna yang dipetik oleh al-Qāsimī daripada ayat berkenaan cahaya Tuhan. Beliau mengaitkan maklumat daripada ayat dengan bidang saintifik, seterusnya mengambil pengajaran sebagai tazkiyah diri selaku hamba Tuhan.

Contoh kedua ialah pentafsiran ayat 164 surah al-Baqarah,

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ

Terjemahan: Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi, pergantian malam dan siang, kapal yang berlayar di laut dengan (muatan) yang bermanfaat bagi manusia...

Surah al-Baqarah 2:164

Ayat mengenai pelayaran kapal berat di lautan menjadi bukti kewujudan Allah SWT. Al-Qāsimī (1957) menyebut secara ringkas bahawa kemampuan kapal (kapal kontena yang membawa barang yang berat) terapung di atas air adalah kerana keberadaan gas pada kapal. Dalam ilmu sains, perkara yang menyebabkan suatu objek terapung di atas air adalah kerana

densiti (berat objek dibahagikan dengan isipadu objek) lebih rendah berbanding densiti air. Dalam perihal penciptaan kapal, walaupun ia diciptakan daripada besi yang berdensiti tinggi, namun udara yang terperangkap di dalam kapal mengurangkan densiti kapal. Ia juga berkait rapat dengan bentuk kapal yang membolehkannya memerangkap lebih banyak udara untuk menampung muatan yang lebih berat, tetapi masih terapung di atas lautan (Barras, 2004). Perkara ini perlu dibahasakan dengan lebih lanjut mengikut formula fizik yang tepat bagi menambahkan pemahaman di dalam bidang ini. Gaya pentafsiran al-Qāsimī bersifat ringkas dan hanya menimbulkan permulaan buah fikiran yang sesuai dengan beberapa teori fizik yang berkaitan.

Al-Qāsimī (1957) menyebut bahawa hukum alam yang melibatkan berat jisim antara satu sama lain ini menunjukkan kekuasaan Allah SWT. Sekiranya tuhan kepada air, dan tuhan kepada angin bukan tuhan yang sama, sudah tentu hukum alam ini tidak dapat diaplikasi dengan baik. Manusia mencipta teori-teori tertentu berdasarkan kajian melalui kebiasaan fenomena yang berlaku. Ciri-ciri kapal menentukan kemampuan kapal untuk menanggung kapasiti muatan sama ada muatan barang ataupun muatan manusia di atasnya bagi menyeimbangkannya dengan densiti air di lautan.

Biologi

Biologi ialah ilmu sains yang membincangkan tentang hidupan dan interaksinya dengan hidupan yang lain serta keadaan sekeliling. Perkataan biologi berasal daripada dua perkataan Greek iaitu *bio*, yang bermaksud hidup dan *logos*, yang bermaksud pengetahuan. Hidupan terbahagi kepada dua iaitu haiwan dan tumbuhan. Oleh sebab itu, biologi tidak terkeluar daripada perbincangan tentang dua bidang utama iaitu botani (tumbuhan) dan zoologi (haiwan) (Muttaqui, 2009).

Sains biologi ialah sains hayat (kehidupan). Perkataan *bio* yang bererti hidup diulang sebanyak 216 kali dalam pelbagai surah al-Quran yang menerangkan benda-benda hidup seperti manusia, haiwan dan tumbuhan. Bidang ini mengkaji tentang fenomena benda hidup dan mekanismenya yang membolehkan sistem kehidupan daripada peringkat sel hingga kepada biofera (alam kehidupan) yang secara dasarnya merangkumi 15 bahagian; anatomi, biokimia, biobumi, biomatematik, biofizik, ekologi, etologi, patologi, fisiologi, taksonomi, sitologi, genetik, bioteknologi, pertumbuhan dan perkembangan, serta evolusi (Yahaya, 2014). Perkara yang akan disentuh dalam kajian ini hanya skop perbincangan mengenai manusia, haiwan dan tumbuhan sahaja. Sebagai contoh dalam ayat 99 surah al-An‘ām,

...وَجَنَاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ

Surah al-An‘ām 6: 99

Terjemahan: ...Dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa.

Ayat ini menyebut perihal keunikan buah-buahan yang bermacam-macam jenis di dunia ini. Ayat ini menunjukkan kepada manusia tentang empat jenis buah terbaik dari segi zat pemakanannya iaitu kurma, anggur, zaitun dan delima (*pomegranate*). Al-Qāsimī menyetengahkan keajaiban buah delima dari segi bentuk dan nutrisinya. Buah delima terdiri daripada empat elemen yang utama iaitu; *qashr* (قشر), *syahm* (شحم), *‘ajam* (عجم) dan *mā’* (ماء). Tiga elemen yang utama sifatnya menyejukkan, iaitu *qasyr* (bahagian lapisan kulit luar yang keras, *syahm* (lapisan di antara buah dan kulit dan seterusnya *‘ajam* (isi bersama bijinya yang merupakan elemen terpenting dalam buah). Elemen yang keempat ialah air. Buah delima mempunyai kandungan air yang sangat sedikit dan air ini merupakan bahagian

yang sangat lezat dan bermanfaat. Ia mempunyai khasiat untuk menguatkan mental (minda) manusia. Ia merupakan makanan bergizi pada satu sudut dan mampu mengobati penyakit pada sudut yang lain (al-Qasimi, 1957).

Contoh kedua ialah pentafsiran ayat 69 surah al-Nahl,

ثُمَّ كُلِي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلَالًا يَخْرُجُ مِنْ بَطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ
شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Surah al-Nahl 16: 69

Terjemahan: Kemudian makanlah daripada segala jenis buah-buahan lalu tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu).” Daripada perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sungguh, pada yang demikian itu benar-benar terdapat (tanda) kebesaran Allah bagi yang benar-benar berfikir.

Ayat ini menunjukkan bahawa madu boleh menjadi penawar kepada manusia daripada suatu penyakit. Bersandarkan keyakinan ini, al-Qāsimī (1957) mendatangkan hadith daripada Abu Sa’īd al-Khudrī r.a bahawa seorang lelaki datang bertemu dengan Rasulullah SAW dan mengadu tentang kesakitan di dalam perut yang dialami oleh saudara lelakinya. Maka baginda menasihati beliau untuk meminum madu sehingga beberapa kali lelaki tersebut mengadu masih sakit, baginda SAW tetap menyuruhnya meminum madu sebagai penawar. Akhirnya, saudara lelakinya sembuh daripada penyakit itu.

Kemudian, al-Qāsimī (1957) meneruskan lagi penjelasannya dengan menaqqalkan pandangan ahli perubatan yang ditulis oleh Ibn Kathīr dalam kitabnya bahawa pesakit tersebut mempunyai masalah *al-faḍalāt* (seperti penyakit cirit birit atau keracunan makanan). Apabila beliau meminum madu, maka ia bertindak menolak perkara-perkara yang bermasalah di dalam usus, oleh sebab itu perut menjadi semakin sakit sebelum sembuh.

Sains Sosial

Sains sosial ialah bidang yang membincangkan tentang seseorang atau sekumpulan manusia dengan meneliti tabiat seseorang atau tabiat masing-masing di dalam satu komuniti secara kolektif. Sains sosial terdiri daripada pelbagai cabang seperti psikologi, sosiologi dan ekonomi. Sains sosial berbeza dengan sains tulen seperti fizik dan biologi yang mempunyai ukuran dan fakta yang tepat tentang suatu perkara. Sains sosial bersandarkan kepada kajian yang sentiasa berubah-ubah dan kurang tepat. Ia bergantung kepada telahan dan anggapan berdasarkan sesuatu yang sering berlaku (Bhattacharjee, 2012). Falsafah sains sosial dalam al-Quran terdiri daripada beberapa perkara iaitu falsafah pendidikan iqra’, sejarah tamadun Islam, sosiologi, antropologi, falsafah sosiologi, psikologi, politik, ekonomi, undang-undang dan akhlak (Yahaya, 2014).

Antara contoh yang menunjukkan perbincangan mengenai ilmu politik di dalam al-Quran adalah berdasarkan surah Yūsuf. Perihal ini dijelaskan oleh al-Qāsimī dalam bahagian kesimpulan intipati surah Yūsuf selepas selesai pentafsiran setiap ayat di dalam surah tersebut. Al-Qāsimī menulis bahawa terdapat tiga tahap dalam politik iaitu pengurusan diri, rumah (keluarga) dan juga bandar (masyarakat). Pendidikan yang diutamakan dalam pengurusan ketiga-tiga tahap ini ialah pendidikan akhlak yang baik. Nabi Yūsuf AS mempraktikkan penguasaan ketiga-tiga tahap ini dengan baik, dan hal ini diceritakan di dalam surah Yūsuf.

Sejak kecil, Nabi Yūsuf AS melalui proses pembinaan diri setelah berjauhan dengan keluarga kerana di'buang' oleh saudara lelakinya di dalam perigi. Setelah itu, baginda tinggal bersama keluarga raja di istana sebagai hamba. Dari situ, berlaku beberapa peristiwa sehingga baginda dimasukkan ke dalam penjara. Di penjara, Nabi Yūsuf mendidik rakan-rakan sepenjaranya berkenaan ajaran Tuhan. Baginda menyebarkan ajaran agama walau ke mana baginda dicampakkan dengan ilmu dan akhlak yang ada pada baginda. Dengan ilmu, baginda dikeluarkan daripada penjara dan berpeluang menjadi orang kanan raja Mesir bagi memberikan nasihat kepada raja berkenaan pentadbiran, pengurusan kewangan, pengurusan sumber makanan dan sebagainya. Baginda diangkat menjadi bendahara (menteri kewangan) di dalam kerajaan Mesir. Nabi Yūsuf AS melalui kisah yang panjang di negara Mesir daripada perhambaan kepada penguasaan.

Al-Qāsimī (1957) menukilkan pandangan al-Fārābī bahawa terdapat 12 sebab yang boleh membentuk sesebuah masyarakat. Antaranya adalah melalui bahasa, negara, agama, akhlak, kaum dan kepimpinan. Faktor-faktor ini menjadi titik perbezaan antara suatu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Terdapat 12 ciri-ciri kepimpinan yang baik bagi memastikan kesejahteraan suatu masyarakat berdasarkan surah Yūsuf, iaitu:

1. Suci daripada nafsu syahwat dan mempunyai kekuatan dalaman yang teguh.

كَذَلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ، إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ

Surah Yūsuf 12:24

Terjemahan: Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan daripada Yusuf perkara-perkara yang keji dan mungkar kerana sesungguhnya beliau daripada hamba-hamba Kami yang dibersihkan daripada segala dosa.

2. Kelembutan semasa marah bagi mengawal dirinya.

قَالُوا إِنْ يَسْرِقْ فَقَدْ سَرَقَ أَخٌ لَهُ مِنْ قَبْلِهِ، فَأَسْرَهَا يُوسُفُ فِي نَفْسِهِ وَلَمْ يُبْدِهَا لَهُمْ

Surah Yūsuf 12:77

Terjemahan: Mereka berkata: “Kalau dia mencuri, maka (tidaklah pelik), kerana sesungguhnya saudara kandungnya pernah juga mencuri dahulu. (Mendengar kata-kata yang menyinggung itu) maka Yusuf pun menyembunyikan perasaannya dan tidak menyatakannya kepada mereka.

3. Meletakkan kelembutan dan kekerasan pada tempatnya.

وَلَمَّا جَهَّزَهُمْ بِجَهَّازِهِمْ قَالَ ائْتُونِي بِأَخٍ لَكُمْ مِنْ أَبِيكُمْ، أَلَا تَرَوْنَ أَنِّي أُوْفِي الْكَفِيلَ وَأَنَا خَيْرُ

الْمُنْزِلِينَ، فَإِنْ لَمْ تَأْتُونِي بِهِ فَلَا كَيْلَ لَكُمْ عِنْدِي وَلَا تَقْرَبُونِ

Surah Yūsuf 12:59-60

Terjemahan: Dan ketika Yusuf menyediakan untuk mereka bekalan mereka, berkatalah beliau: “(Pada kali yang lain) bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa. Tidakkah kamu melihat bahawa aku menyempurnakan bekalan makananmu dan aku sebaik-baik penerima tetamu? Oleh itu, kalau kamu tidak membawanya kepadaku, maka tidak ada hak bagi kamu mendapat bekalan makanan di sisiku dan janganlah kamu menghampiriku lagi.

4. Mempunyai sifat kepercayaan dan keyakinan diri yang tinggi, serta amanah.

اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْكُمْ

Surah Yūsuf 12:55

Terjemahan: Yusuf berkata: “Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya dan mengetahui cara-cara mentadbirnya.”

5. Daya ingatan yang kuat.

وَجَاءَ إِخْوَتُهُ يُوسُفَ فَدَخَلُوا عَلَيْهِ فَعَرَفَهُمْ وَهُمْ لَهُ مُنْكَرُونَ

Surah Yūsuf 12:58

Terjemahan: Dan (setelah tiba musim kemarau) datanglah saudara-saudara Yūsuf (ke Mesir) lalu masuklah mereka mendapatkannya; Yusuf serta merta mengenali mereka, sedang mereka tidak mengenalinya.

6. Kemampuan firasat.

إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ

Surah Yūsuf 12:4

Terjemahan: (Ingatlah peristiwa) ketika Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku! Sesungguhnya aku bermimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku.”

7. Persediaan ilmu yang mantap.

وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ آبَائِي إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ، مَا كَانَ لَنَا أَنْ نُشْرِكَ بِاللَّهِ مِنْ شَيْءٍ، ذَلِكَ

مِنْ فَضْلِ اللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

Surah Yūsuf 12:38

Terjemahan: Dan aku menurut agama bapa dan datuk nenekku; Ibrāhīm dan Ishāq serta Ya‘qūb. Tidak sepatutnya kita mempersekutukan sesuatu pun dengan Allah. Hal tersebut (mentauhidkan Allah) ialah kurniaan Allah kepada kita dan umat manusia namun kebanyakan manusia tidak bersyukur.

Sifat ini turut disebut dalam surah Yūsuf ayat 22 dan 101.

8. Belas kasihan terhadap golongan yang lemah dan tawaduk dengan ketinggian kedudukannya.

Nabi Yūsuf AS memanggil sahabat sepenjaranya dengan gelaran yang mulia iaitu, يَا صَاحِبِي السَّجْنِ yang bermaksud: “Wahai sahabatku berdua yang sepenjara...”.

9. Sifat pemaaf.

قَالَ لَا تَحْزَنْ عَلَيْكَ الْيَوْمَ، يَغْفِرُ اللَّهُ لَكُمْ، وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Surah Yūsuf 12:92

Terjemahan: Yūsuf berkata: “Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dia jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain mengasihani.

10. Memuliakan ahli keluarga.

وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ

Surah Yūsuf 12:93

Terjemahan: ... Dan bawalah kepadaku keluarga kamu semuanya.

11. Kemahiran bertutur secara ilmiah dan hikmah.

فَلَمَّا كَلَّمَهُ قَالَ إِنَّكَ الْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ

Surah Yūsuf 12:54

Terjemahan: Setelah Yūsuf berkata-kata dengannya (raja), raja berkata: “Sesungguhnya engkau pada hari ini (wahai Yūsuf) seorang yang berpangkat tinggi, lagi dipercayai dalam kalangan kami”.

12. Kemahiran pengurusan.

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ

Surah Yūsuf 12:47

Terjemahan: Yūsuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah pada tangkai-tangkainya, kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan.

Berdasarkan surah Yūsuf, al-Qāsimī (1957) telah mengeluarkan beberapa kisah yang terdapat di dalamnya sebagai pengajaran kepada manusia tentang pengurusan sosial manusia agar dapat mencapai kesejahteraan sejagat baik dari segi keamanan, keagamaan, ekonomi dan pentadbiran. Hal ini selari dengan perjuangan al-Qāsimī sendiri yang melibatkan diri secara langsung di dalam perjuangan membawa masyarakat kepada jalan agama yang benar melalui gerakan Islah yang digerakkan bersama barisan para ulama yang lain.

Geologi dan Geografi

Geologi ialah bidang yang mengkaji tentang penciptaan bumi dan perkembangannya, hidupan purba di bumi, kajian tentang logam, arang dan juga minyak yang terdapat jauh ke dalam perut bumi. Di bawah bidang geologi, terdapat *geophysics*, *petrogeologist* dan *geographer*. Sainis bidang biologi juga tidak terlepas daripada mengkaji ilmu geologi (Alvia, 2005). Geologi membincangkan asal usul kejadian bumi, bahan-bahan di dalam perut bumi, aliran air di atas muka bumi, kejadian gunung berapi dan lain-lain (Chapman, 1995).

Sains geologi ialah sains tabii yang pada asalnya membincangkan tentang kesuburan bumi, kemudian ilmu ini diperluas kepada beberapa pengkhususan termasuk mineralogi, petrologi, geologi struktur, geokimia, geologi ekonomi, geomorfologi, hidrogeologi, geologi

sejarah, geokronologi, geologi kejuruteraan, geologi petroleum, geologi persekitaran, astrogeologi, geologi isotop dan mikropaleontologi. Ia turut dipanggil ilmu bumi (Yahaya, 2014). Fungsi gunung juga termasuk dalam ilmu geologi yang mempunyai perkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan ilmu geografi (Kamarul Azmi, 2013).

Sebagai contoh ialah Surah al-Naba' ayat 7,

وَالْجِبَالُ أَوْتَادًا

Surah al-Naba' 78:7

Terjemahan: Dan gunung-ganang sebagai pasak.

Al-Qāsimī (1957) menerangkan fungsi gunung sebagai pasak bumi. Gunung menjadi pasak kepada bumi bagi mengelakkan ketidakstabilan bumi, sekaligus mengelakkan berlaku gegaran kepada bumi. Beliau mendatangkan contoh pasak yang dipasang pada penjuru khemah. Paku yang digunakan adalah untuk mengelakkan khemah daripada bergerak daripada tempat asal. Ayat ini mempunyai kaitan dengan teori pergerakan gunung yang disebut dalam firman Allah SWT dalam surah al-Naml ayat 88. Pengkaji meletakkan perbincangan mengenai perkara ini di dalam bab keempat bagi menganalisis pentafsiran al-Qāsimī dalam bidang astronomi.

Ilmu geografi pula ialah ilmu yang membincangkan tentang keadaan kehidupan manusia berdasarkan politik, ekonomi, budaya dan suasana suatu negara atau daerah-daerah di sesebuah negara (Bradshaw, 2000). Dalam kajian ilmu geografi, al-Qāsimī merujuk buku *Geography* karya Ptolemy, seorang saintis berbangsa Rom pada zaman awal Masihi dan juga karya Aristotle seperti kitab *al-Hayawān*. Berbicara mengenai ilmu ini, al-Qāsimī mentafsirkan surah al-Kahfi ayat 98 secara panjang lebar.

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا

Surah al-Kahfi 18:98

Terjemahan: (Setelah itu) berkata Zulkarnain: "Ini ialah suatu rahmat dari Tuhanku; dalam pada itu apabila sampai janji Tuhanku, Dia akan menjadikan tembok itu hancur lebur dan janji Tuhanku itu adalah benar.

Al-Qāsimī (1957) menggariskan sembilan *tanbīhāt* daripada ayat ini. Antaranya ialah perbincangan mengenai sosok Zulkarnain itu sendiri; nama sebenar, asal usul, mengapa ia digelar sebagai Zulkarnain (*Dhū al-Qarnayn*) dan lain-lain. Fokus pengkaji berkenaan ayat ini adalah berkenaan kedudukan tembok yang dibina oleh Zulkarnain pada suatu ketika dahulu. Al-Qāsimī mendatangkan pandangan ulama silam berkenaan kedudukan tembok yang dibina antara dua gunung bagi mengepung suatu kaum yang dipanggil sebagai Ya'jūj dan Ma'jūj atau istilah di dalam bahasa Inggerisnya ialah *Gog and Magog*. Antara pandangan yang diambil oleh beliau adalah daripada al-Rāzī yang mengatakan bahawa tembok itu berada di negara timur; iaitu di antara dua gunung yang terletak di Armenia dan Azerbaijan. Disebut bahawa kawasan ini merupakan sebahagian daripada tanah negara Turki.

Selain itu, al-Qāsimī juga menukilkan pandangan Ibn Ḥazm, Aḥmad bin al-Ṭayyib al-Sarakhsī dan lain-lain. Kemudian, beliau menulis kenyataan yang dirasakan paling tepat bahawa tembok tersebut berada di kawasan Dagestan, suatu daerah di Rusia. Ia terletak di

antara dua bandar; bandar Derbend dan Khūzār (خوزار). Terdapat satu tempat yang terkenal sebagai Bāb al-Ḥadīd yang merupakan kawasan tinggalan tembok besi lama antara dua gunung yang dikenali sebagai Caucasus, masyarakat Arab menyebutnya sebagai Jabal Qāf. Sejarah mencatatkan bahawa Jabal Qāf ini menyimpan sejarah yang besar bagi penduduknya, iaitu tembok ini berperanan sebagai benteng daripada serangan musuh yang dikenali sebagai *al-Mutabarbarīn*. Ya'jūj dan Ma'jūj mempunyai sifat menyerupai *al-Mutabarbarīn* ini dan dipercayai merupakan bangsa keturunan Asia dan Rusia (al-Qasimi, 1957). Berdasarkan huraian al-Qāsimī dalam membincangkan kedudukan geografi suatu tempat, ia menunjukkan bahawa beliau tidak memandang remeh isu negara-negara sekitarnya terutamanya yang mempunyai kaitan dengan sejarah dan falsafah agama.

Astronomi

Astronomi ialah cabang sains yang membincangkan tentang objek-objek di angkasa lepas. Ia membincangkan mengenai saiz, komposisi, kedudukan, asal usul dan pergerakannya (Angelo, 2002). Ilmu astronomi turut dikenali sebagai ilmu falak dalam bahasa Arab. Asas dalam ilmu falak ialah persoalan takwim, arah kiblat, waktu solat dan perspektif rukyah dan hisab (Baharuddin, 2004).

Ilmu falak ialah salah satu ilmu sains tabii yang mengkaji perjalanan badan-badan cakerawala seperti bumi, bulan, matahari dan bintang-bintang (Baharuddin, 2004). Falsafah sains astronomi menurut al-Quran ialah bidang sains tabii yang membicarakan tentang semua objek di alam semesta, di luar bumi dan dalam atmosfera termasuk segala galaksi, bintang, bulan dan planet yang dapat memberi manfaat kepada manusia (Yahaya, 2014). Sebagai contoh di dalam Surah al-Ra'd ayat 3,

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا رِجَالًا لَّيَالِيًا
يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Surah al-Ra'd 13:3

Terjemahan: Dan Dia yang menghamparkan bumi dan menjadikan gunung-gunung serta sungai-sungai di atasnya. Dan padanya Dia menjadikan semua buah-buahan berpasang-pasangan, Dia menutupkan malam kepada siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi mereka yang berfikir.

Melalui ayat ini, al-Qāsimī menerangkan kebarangkalian siang lebih panjang daripada malam dan sebaliknya. Apabila waktu malam lebih panjang daripada waktu siang maka terjadilah musim *al-shitā'* (musim sejuk), manakala apabila waktu siang lebih panjang daripada waktu malam maka terjadilah musim *al-ṣaif* (musim panas). Dan di antara dua musim tersebut terdapat dua musim lain sebagai perantaraan antara kedua-duanya iaitu musim *al-kharīf* (musim luruh) dan musim *al-rabī'* (musim bunga).

Al-Qāsimī (1957) turut menyatakan gunung menjadi sebab terjadinya hujan kerana gunung merupakan tulang belakang bagi bumi. Apabila berkumpul kabus pada kawasan bumi yang paling rendah, maka ia akan berkumpul di bawah gunung sehingga menghasilkan awan yang berat. Oleh sebab itu, awan mula mengalirkan air daripada lubang yang terbuka akibat pengumpulan air yang banyak. Bermula daripada itu, air melimpah membasahi bumi. Dalam al-Quran Allah sering menyebut perihal gunung-ganang dan kemudian difirmankan mengenai air yang melimpah ruah seperti surah al-Mursalāt, ayat 27.

وَجَعَلْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ شَاخِجَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُمْ مَاءً فُرَاتًا

Surah al-Mursalāt 77:27

Terjemahan: Dan Kami jadikan padanya gunung-gunung yang tinggi dan Kami beri minum kamu dengan air yang tawar.

Contoh kedua ialah pentafsiran ayat 33 surah al-Anbiyā',

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Surah al-Anbiyā' 21:33

Terjemahan: Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan. Masing-masing beredar pada garis edarnya.

Ayat ini menyebut tentang pergerakan planet yang beredar pada orbit masing-masing. Al-Qāsimī mendatangkan ayat al-Quran daripada surah al-Takwīr, ayat 15 dan 16.

فَلَا أُقْسِمُ بِالْخُنُوسِ . الْجَوَارِ الْكُنُوسِ

Terjemahan: Aku bersumpah demi bintang-bintang, yang beredar dan terbenam.

Surah al-Takwīr 81:15-16

Al-Qāsimī (1957) menghuraikan bahawa kedua-dua ayat ini menunjukkan bahawa planet-planet di angkasa lepas beredar di atas landasannya yang tersendiri. Planet-planet bukan pusat bagi edaran objek-objek lain di angkasa lepas sepertimana yang didakwa oleh ulama terdahulu yang mengatakan bahawa planet-planet ialah pusat yang tertumpu dan dikelilingi oleh objek-objek lain.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Jamal al-Din al-Qasimi melalui kitab tafsirnya, *Mahasin al-Ta'wil* dilihat memberi nafas baharu kepada umat Islam bahawa ilmu sains juga perlu dikuasai oleh umat Islam untuk menguasai dunia. Usaha gigih al-Qasimi yang memadukan antara *tafsir bi al-ma'thur* dengan *tafsir bi al-ra'y* memberikan impak positif kepada perkembangan ilmu tafsir khususnya dan juga sebagai jambatan antara al-Quran dengan kajian saintifik semasa.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, al-Qasimi mempunyai gaya persembahan yang tersendiri dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang dapat dijelaskan kepada empat gaya iaitu mengemukakan ayat al-Quran lain yang berkaitan ayat yang sedang ditafsirkan, menyebut kata-kata ahli perubatan apabila menyentuh mengenai ayat perubatan, menyebut pendapat ahli falak ketika mentafsirkan ayat berkaitan astronomi, dan mengkhaskan bahagian *tanbihat* selepas menjelaskan secara detail bagi setiap ayat yang ditafsirkan.

Rujukan

- Āl Ja'far, Muslim. (1980). *Manāhij al-Mufasssirīn*. Lubnan: Dār al-Ma'rifah.
Al-'Ajmi, Muḥammad bin Nāṣir al-'Ajmī. (1999). *Āl al-Qāsimī wa Nubūghuhum fī al-Ilmī wa al-Taḥṣīl*. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.

- Al-‘Azmi, Khalīl al-‘Azmi. (1988). *Qāmūs al-Šinā‘āt al-Shāmiyah*. Damsyik: Dār Ṭalās Li al-Dirāsāt wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- Al-Dhahabī, Muhammad Husayn. (2005). *Tafsīr Wa al-Mufasssirūn*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Kawakibi, ‘Abd al-Raḥmān. (2011). *Ṭabā‘i‘ al-‘Istibdād wa Maṣāri‘ al-‘Isti‘bād*. Kaherah: Kalimāt ‘Arabiyyah Li Tarjamah Wa al-Nashr.
- Al-Qāsimī, Muhammad Jamal al-Din. (1957). *Maḥāsīn al-Ta’wīl*. Tahqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī Kaherah: Dar al-Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Qasimi, Zāfir al-Qāsimī (1965). *Jamāl al-Dīn al-Qāsimī wa ‘Aṣrih*. t.tpt.: t.pt.
- Al-Rumi, Fahd ‘Abd al-Raḥmān bin Sulaymān al-Rūmī. (1416H). *Buḥūth Fī ‘Uṣūl al-Tafsīr wa Manāhijuh*. Riyāḍ: Maktabah al-Tawbah.
- Alvia Kurniawan et al. (2009). *General Dictionary of Geology*. Yogyakarta: Environmental Geographic Student Association.
- Al-Zirikli, Khayr al-Dīn. (2002). *al-A‘lām Qāmūs Tarājim li Ashhari al-Rijāl wa al-Nisā’ min al-‘Arab Wa al-Musta‘ribīn wa al-Mustashriqīn*. Beirut: Dār al-‘Ilmi Li al-Malāyīn.
- Angelo, Joseph A. Angelo, Jr. (2002). *The Facts on File Space and Astronomy Handbook*. New York: Checkmark Books.
- Baharuddin Zainal. (2004). *Ilmu Falak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barras, C.B. (2004). *Ship Design and Performance for Masters and Mates*. United Kingdom: Elsevier Butterworth-Heinemann.
- Bhattacharjee, Anol. (2012). *Social Science Research: Principles, Methods and Practices* Florida: University of South Florida Tampa Library Open Access Collections.
- Bradshaw, Michael (2008). *World Regional Geography*. New York: McGraw-Hill Companies Inc.
- Chapman, Richard E. (1995). *Physics for Geologists*. London: University College London (UCL) Press.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Noordiana Hassan. (2013). Al-Quran dan Geologi, dlm. *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran*. Selangor: Univision Press Sdn. Bhd.
- Laman web al-*Alūkah al-Majlis al-‘Ilmī*, <http://majles.alukah.net/t30300/>, dikemas kini 1 April 2009, dicapai 29 November 2016.
- Mahmud, ‘Abd al-Ḥalīm. (2000). *Manāhij al-Mufasssirīn*. Kaherah: Dar al-Kitab li al-Misr.
- Muttaqui, Iqbal Aziz et al. (2009). *Secondary Biology Class IX-X*. terj. Md. Obaidur Rahman Sikder dan Raihana Begum. Dhaka: National Curriculum and Textbook Board.
- Nuwayhiḍ, ‘Ādil. 1988. *Mu‘jam al-Mufasssirīn min Ṣadri al-Islām hatta al-‘Asri al-Ḥāḍir*. Lubnan: Mu‘assasah Nuwaihīḍ al-Thaqāfiyyah.
- Santos, Renato L. et. al. (2001). Animal models of Salmonella infections: enteritis versus typhoid fever. *Journal Microbes and Infection*. (3)14-15, 1335.
- Yahaya Jusoh. (2014). *Falsafah Sains dan Teknologi Menurut Al-Quran*. Skudai: Penerbit UTM Press.